

## Warga Emas Ikhtiar Kutip Lala Dan Kerang Sebagai Sumber Rezeki

Oleh: Nur Insyirah Samrat, 1180243



*Arsyad Jaya menunjukkan tengannya yang berselut selepas selesai mengutip lala*

PERLIS: Seorang warga emas yang berusia 69 tahun masih gagah bekerja mengutip lala dan kerang-kerangan di persisiran pantai, Kampung Sungai Belati untuk dijadikan sumber rezeki sejak 30 tahun lalu.

Menurut Arsyad Jaya yang pernah bekerja di Kerpan, Kedah 35 tahun yang lalu, kesukaran berulang-alik dengan basikal dari Perlis ke tempat kerja memaksanya mencari sumber pendapatan lain.

Selepas berhenti kerja, dia mencuba nasib turun ke laut menjadi nelayan, namun disebabkan usianya yang semakin lanjut, lesen nelayan dan subsidi minyaknya ditamatkan. Oleh yang demikian dia terpaksa menjual bot yang dimilikinya.

"Apa yang boleh saya buat? Mata saya pun sudah kabur, sebab itu sekarang saya hanya mengutip lala, kerang-kerangan dan belangkas sebagai ikhtiar mencari rezeki, katanya.



*Arsyad menunjukkan hasil kutipan lalanya*

"Kalau sehari saya boleh dapat lima hingga enam kilogram, saya sudah anggap memadai dan tidak perlu saya meminta duit daripada orang lain," katanya.

Menurutnya, sekiranya dia bersungguh-sungguh mengumpulkan lala dan kerang-kerangan lalu menjualnya, dia akan memperolehi lebih kurang RM200 sehari.



*Anak-anak kampung Arsyad yang juga gigih mencari lala dan kerang*

Dia menambah, kerja mengutip lala dan kerang-kerangan seperti beliau tidak merubahnya menjadi kaya, tetapi ia cukup untuk menampung perbelanjaan diri sendiri dan keluarga.

Kesungguhan Arsyad menjadi contoh yang baik kepada anak-anak kampung beliau di mana mereka turut sama mengutip lala dan kerang-kerangan untuk dimakan bersama keluarga.

Adik Nur Aiman Poting, 7 dan adik Mohd Khairul, 9 menyatakan bahawa jika mereka tidak ada kelas atas talian, mereka akan turun ke laut lebih awal untuk memperolehi banyak hasil seperti Arsyad.

